

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 22 MEI 2014 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	SME Corp sasar 100 syarikat dapat sijil Malaysian Brand	Sinar Harian
2.	92 syarikat PKS terima pengiktirafan	Harian Metro
3.	Sasar 100 firma Tanda Keunggulan Kebangsaan Jenama Malaysia	Utusan Malaysia
4.	MDV peruntuk pinjaman bernilai RM1.45 bilion	Utusan Malaysia
5.	MDV biaya RM1.45b bagi sektor teknologi	Berita Harian
6.	Let science light Asean's way	New Straits Times
7.	Selangor sedia hadapi El Nino	Sinar Harian
8.	LimKokWing Menang untuk Malaysia	Harian Metro
9.	Kesedaran sains metrologi rendah	Utusan Malaysia

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT 58
TARIKH : 22 MEI 2014 (KHAMIS)



Dari dua kiri: Dr Paul Temporal dari Universiti Oxford, Hafsah dan Pengarah Urusan Malaysia Debt Ventures Bhd, Datuk Md Zubir Ansori Yahaya.

SME Corp sasar 100 syarikat dapat sijil Malaysian Brand

SME Corporation Malaysia (SME Corp) yakin sasarannya untuk 100 syarikat tempatan menerima pensijilan Tanda Keunggulan Kebangsaan untuk Jenama Malaysia (Malaysian Brand) menjelang hujung tahun ini akan tercapai.

Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp Datuk Hafsah Hashim berkata, pada suku pertama tahun ini sebanyak tujuh syarikat tempatan baharu telah menerima pengiktirafan itu, menjadikan keseluruhannya 92 syarikat telah menerima sijil itu sejak ia diperkenalkan pada 2009.

"Dengan kerjasama Sirim QAS, kami telah mengenal pasti beberapa syarikat layak untuk mendapat pensijilan itu dan kini dalam proses penilaian terhadap tujuh atau lapan syarikat lagi.

"Oleh itu, kami yakin untuk mencapai jumlah itu sebelum Januari 2015," katanya selepas pelancaran Seminar Penjenamaan 2014 yang julung kali dianjurkan di Kuala Lumpur, semalam.

Sementara itu, ketika mengulas berhubung jumlah syarikat menerima pensijilan itu yang masih agak rendah, Hafsah berkata, Malaysian Brand bukan

mengenai kuantiti tetapi penumpuan diberikan kepada kualiti jenama yang akan turut menjadi imej kepada negara.

Pensijilan Malaysian Brand menggambarkan kualiti, kecemerlangan dan keunikan produk dan perkhidmatan oleh syarikat tempatan.

Sementara itu, Seminar Penjenamaan 2014 yang dianjurkan SME Corp dihadiri oleh 150 syarikat kecil dan sederhana (PKS) yang merupakan penerima pensijilan Malaysian Brand dan pemenang Anugerah E50.

Hafsah berkata, PKS disarankan menggunakan platform seperti seminar itu untuk menimba lebih banyak maklumat, bertukar idea, pengetahuan dan pengalaman dalam isu seperti nilai dan inisiatif penjenamaan di samping mewujudkan jaringan perniagaan yang mantap.

Tujuan seminar satu hari itu adalah untuk memberikan kesedaran dan menambah pengetahuan berkenaan kepentingan penjenamaan dan cara meningkatkan keberkesanan penjenamaan.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 62
TARIKH : 22 MEI 2014 (KHAMIS)

92 syarikat PKS terima pengiktirafan

Kuala Lumpur: SME Corp Malaysia berada di landasan yang betul untuk mencapai sasaran 100 syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan menerima pengiktirafan jenama Malaysia, National Mark of Malaysia Brand menjelang akhir tahun ini.

Pengiktirafan itu menunjukkan syarikat tempatan berkenaan mempunyai kualiti dan kecemerlangan jenama serta produk dalam pasaran.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Hafsa Hashim berkata, sejak National Mark

of Malaysia Brand diperkenalkan pada 2009 hingga April lalu, sebanyak 92 syarikat daripada pelbagai industri menerima pengiktirafan itu.

Beliau berkata, pemberian pengiktirafan itu adalah hasil kerjasama dengan SIRIM QAS International Sdn Bhd yang mempunyai kepakaran menilai

jenama produk yang diterima dan mendapat perhatian pasaran.

FAKTA
National Mark
of Malaysia Brand
diperkenalkan pada
2009

“Tujuh daripada 92 syarikat yang menerima pengiktirafan ini baru diberikan pada awal tahun ini dan lapan syarikat sasaran sehingga hujung tahun ini dalam proses penilaian.

“Menerusi pengiktirafan

ini, ia menunjukkan produk PKS tempatan mempunyai kualiti dan pembungkusan menarik di pasaran setanding dengan jenama asing popular lain kerana perniagaan mereka akan diaudit oleh kami,” katanya pada seminar penjenamaan PKS di sini, semalam.

Sejumlah 150 peserta PKS menyertai seminar berkenaan yang dianjurkan oleh SME Corp yang mana topik perbincangan penjenamaan

secara teknikal disampaikan pakar dari Temporal Brand Consulting, University of Oxford, Dr Paul Temporal menerusi tajuk A Winning Brand Strategy.

Hafsa berkata, seminar berkenaan turut disertai Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV) yang mengenal potensi harta intelek (IP) dan insentif bantuan kewangan dari Export-Import Bank of Malaysia Bhd (Exim Bank).

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 19
TARIKH : 22 MEI 2014 (KHAMIS)

Sasar 100 firma Tanda Keunggulan Kebangsaan Jenama Malaysia

KUALA LUMPUR 21 Mei - Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp) menepati jadualnya untuk mencapai sasaran mewujudkan 100 syarikat yang diperakui dengan Tanda Keunggulan Kebangsaan Jenama Malaysia, satu pensijilan yang menggambarkan kualiti, kecemerlangan dan keunikan

produk dan perkhidmatan oleh firma-firma tempatan, menjelang akhir tahun.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Hafsa Hashim berkata, hingga April tahun ini, tujuh lagi syarikat menerima pensijilan itu, menjadikan keseluruhannya berjumlah 92 syarikat yang telah diperakui dengan tanda tersebut sejak

kewujudannya pada 2009.

"Sebanyak lapan syarikat sedang berada pada pelbagai peringkat untuk diperakui dengan Tanda Keunggulan Kebangsaan Jenama Malaysia dan sedang menjalani proses pengesahan oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd, rakan kongsi pensijilan kami," katanya kepada pemberita pada Seminar Penjenamaan 2015 SME Corp di sini hari ini.

Beliau berkata, syarikat-syarikat ini perlu melalui proses penilaian piawaian yang ketat dan melalui pensijilan ini, kerajaan berharap dapat mengubah tanggapan bahawa produk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berkualiti rendah, kurang boleh dipercayai dan rendah mutu pembungkusannya berbanding jenama-jenama besar yang lain.

Selain itu kata beliau, SME Corp telah memperkenalkan insentif penggabungan dan pengambilalihan bagi penyedia perkhidmatan kecil dan sederhana dalam usaha

menggalakkan syarikat-syarikat ini bergabung.

"Bagi mewujudkan sebuah entiti yang lebih stabil dan kuat dalam menghadapi persaingan yang semakin sengit, kami telah memperkenalkan sembilan subsektor yang boleh memberi ruang untuk PKS bergabung.

"Perkhidmatan-perkhidmatan ini ialah perakaunan, percukaian, amalan perubatan pakar, amalan pergigian pakar, latihan kemahiran, kejuruteraan, seni bina, kurier serta pendidikan menengah teknikal dan vokasional," kata Hafsa.

Beliau berkata, subsektor-subsektor ini mungkin diperluaskan kerana ada syarikat pembuatan yang berminat untuk menjadi sebahagian daripada insentif itu.

"Di bawah insentif ini, syarikat yang bergabung akan layak menikmati kadar rata cukai sebanyak 20 peratus ke atas semua pendapatan yang boleh di cukai bagi tempoh selama lima tahun, serta pengecualian cukai setem ke atas dokumen penggabungan," katanya. - BERNAMA



MDV peruntuk pinjaman bernilai RM1.45 bilion

Oleh NUR HANANI AZMAN
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 21 Mei - **Malaysia Debt Ventures Bhd., (MDV)** pembiaya teknologi negara memperuntukkan sebanyak RM1.45 bilion bagi pembiayaan dalam semua sektor teknologi tahun ini.

Naib Presiden Kanan Bahagian Perniagaannya, Aimi Aizreen Nasharuddin berkata, menjadi harapan MDV untuk memudahkan usahawan teknologi di negara ini dengan memenuhi keperluan modal

kewangan mereka.

Katanya, dalam memahami keperluan dan aspirasi usahawan teknologi, MDV menyedari kepentingan membantu syarikat-syarikat teknologi untuk membuka jalan bagi meraih kejayaan yang lebih besar.

Sehubungan itu katanya, MDV kali ini bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dan Universiti Sains Malaysia (USM) yang berkongsi matlamat sama untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara.

"Ini merupakan kali pertama

MDV mengadakan hari terbuka iaitu 'MDV Tech Funding Day' di USM, Pulau Pinang untuk memudahkan proses permohonan pembiayaan usahawan teknologi dan syarikat-syarikat teknologi di wilayah utara.

"Hari terbuka ini juga bertujuan menyediakan peluang kepada usahawan teknologi merangkumi seluruh sektor teknologi termasuk teknologi komunikasi dan maklumat (ICT), biotech dan teknologi hijau untuk menimba ilmu mengenai skim pembiayaan yang ditawarkan MDV," ka-

tanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurutnya, sebanyak 100 peserta daripada pelbagai syarikat teknologi dan mereka yang baharu memulakan perniagaan menghadiri hari terbuka itu.

Sehingga kini, MDV telah mengeluarkan lebih RM7 bilion pembiayaan kepada 600 usahawan teknologi yang baharu memulakan perniagaan dan lebih daripada 70 peratus daripada kelulusan itu diberikan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT B4
TARIKH: 22 MEI 2014 (KHAMIS)

MDV biaya RM1.45b bagi sektor teknologi

Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV) memperuntukkan pembiayaan projek berjumlah RM1.45 bilion bagi semua sektor teknologi tahun ini termasuk dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), bioteknologi serta teknologi hijau.

Naib Presiden Kanan Bahagian Perniagaannya, Aimi Aizreen Nasharuddin, berkata peruntukan lebih besar itu susulan pertambahan pesat syarikat teknologi di negara ini dan sejajar matlamat MDV menyediakan penyelesaian inovatif kepada kumpulan sasaran menerusi dana pembiayaannya.

Bantu usahawan

Katanya, penyediaan dana itu diharapkan dapat membantu lebih ramai usahawan teknologi dan syarikat yang baru memulakan perniagaan memenuhi keperluan modal kewangan dan rancangan pengembangan mereka.

"Dalam memahami keperluan dan aspirasi usahawan tekno-

logi kami, MDV sebagai penyedia pembiayaan teknologi menyedari kepentingan membantu syarikat teknologi bagi membuka laluan yang lebih besar kepada mereka.

"Dengan pertambahan syarikat teknologi di negara ini, MDV telah memperuntukkan sejumlah RM1.45 bilion sebagai pembiayaan kepada semua sektor teknologi tahun ini," katanya menerusi kenyataan dikeluarkan di Kuala Lumpur, semalam.

Dalam pada itu, Aimi Aizreen berkata, MDV telah mengagihkan pembiayaan lebih RM7.0 bilion kepada 600 syarikat teknologi permulaan, dengan lebih 70 peratus daripada kelulusan pembiayaan diberikan kepada syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Dengan saiz dana RM4.1 bilion, MDV menyediakan pembiayaan dan inisiatif bagi merangsang pertumbuhan sektor teknologi berdasarkan keperluan pelanggannya.

Bagi memperluaskan lagi akses pembiayaan dan peranannya, MDV turut menganjurkan hari terbuka 'MDV Tech Funding Day' di Pulau Pinang semalam khusus kepada usahawan dan syarikat teknologi di wilayah utara.

Program yang berlangsung dengan kerjasama Lembaga Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dan Universiti Sains Malaysia (USM) itu dihadiri

lebih 100 syarikat berkaitan teknologi.

Ia turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) USM, Prof Datuk Dr Muhamad Jantan.

Sementara itu, Dr Muhamad turut menandatangani penting peranan universiti dalam sumbangannya ke arah sektor teknologi.

Penghijrahan idea

"Penghijrahan idea penyelidikan bagi pemasaran produk dan perkhidmatan yang diperlukan khususnya dalam industri teknologi tinggi memerlukan bantuan pembiayaan daripada agensi seperti MDV, NCIA serta SME Corporation bagi menyokong proses pengkomersialan yang panjang," katanya.

Menerusi program hari terbuka itu, peserta juga didedahkan dengan pameran mini oleh usahawan dan syarikat teknologi berjaya yang mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka.

FAKTA NOMBOR

RM7
bilion

sudah diagih kepada
600 syarikat teknologi permulaan

Let science light Asean's way

COLLABORATION: For most problems plaguing member states, the solution lies in a scientific approach

ASEAN is home to about 600 million people. Though there is still disparity in income among the population, the middle class is growing.

The rise in the middle class is the most significant factor driving demand in the region. Soon, the Asean Free Trade Area (Afta) will become reality. Afta promises to bring about change in trade among member countries.

Beginning next year, Afta is set to unleash new vigour in intra-Asean trade. Many products will enjoy almost zero duty. Though trade is an important instrument of growth, Asean leaders must not

ignore innovation as a key driver of competitiveness.

Yes, Asean members do compete in the global business. But there are areas where, together, Asean can become a potent force in the global innovation-driven market.

Take the palm oil business, for example. Asean member countries, especially Malaysia and Indonesia, control more than 90 per cent of the global trade.

There is no denying that companies from both countries compete for a share of the world market. As long as competition is healthy, it motivates business excellence. It is a win-win for all parties.

The problem often arises during instances when competition turns unhealthy. That is when it becomes lose-lose. One example concerns the constant juggling of export duties on crude palm oil.

On most occasions, the decision to change duties would benefit importing countries more. It is time Asean comes to some strategic consensus to formulate a more win-win duty regime for its palm oil business. That is what the Euro-

pean Union does to safeguard the trade interests of its member economies. Why not Asean?

The rise of the palm oil industry in Malaysia and Indonesia owes a lot to a wise investment in science. Scientific research has uplifted the yield profile of palm oil through breeding programmes.

It is also investment in scientific research that has improved palm oil processing, including the extraction and modification of palm oil properties for various applications.

All such investments in science has made palm oil not only more competitive, but also expanded the use of palm oil in various products. They have widened palm oil's market access.

It is understandable if Malaysia and Indonesia do not fully collaborate in such areas where they compete against each other. But there are areas where the position of palm oil itself is threatened by other edible oils.

This is where collaboration in

science can help Malaysia and Indonesia defend the market interest of palm oil.

One good example is the constant harassment by Western non-governmental organisations on palm oil's sustainability standing.

Critics have constantly discredited palm oil's performance on sustainability without offering scientific evidence to support their claims.

Many in the Malaysian palm oil industry have likened such harassment to the apartheid era.

This is because white soyabean oil has been spared from any form of sustainability interrogation by the same NGOs. Isn't that a sickening form of discrimination on the grounds of colour?

Palm oil is only one example. But there are other common challenges for Asean member countries where collaboration in science is very much overdue.

These include finding scientific solutions to the haze issue, de-

veloping a vaccine for dengue fever and other unsolved diseases of the tropics, research and development in energy, water and food, and building a scientific database for tropical biodiversity.

As the population grows and urbanisation increases, problems related to water, transport, energy and wastes will emerge as major issues.

Most of the solutions lie in science. Asean member nations should galvanise their talents in science to develop sustainable solutions together.

Over the years, the Asean Committee on Science and Technology has developed plans in science and technology.

Such plans would not mean much unless put into action. And actions require commitments by member countries on funding and support.

Asean may want to look at models on science collaboration adopted by the EU, with some adjustments, of course. Unless that is done, then all the plans developed will remain locked in the wisdom of the planners.



Dr Ahmad Ibrahim
is fellow of the
Academy of
Sciences Malaysia

Selangor sedia hadapi El Nino

Kerajaan negeri sudah berhenti pam keluar air kolam, sebaliknya bawa masuk air ke dalamnya sebagai bekalan

■ SITI AISAH HABIRIN

SHAH ALAM

- Bagi persediaan menghadapi musim El Nino, kerajaan negeri buat masa ini tidak pengepam air keluar kolam sejak 6 April lalu, malah sebaliknya membawa masuk air ke dalam beberapa kolam takungan bagi menyimpan bekalan.

Exco Belia dan Sukan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, pengepaman akan dilakukan apabila air Sungai Selangor rendah dijangka berlaku pada awal bulan depan.

"Aktiviti yang dijalankan pada masa ini adalah pengepaman air dari Sungai Selangor ke Kolam Hang Tuah.

KRISIS AIR DI SELANGOR

"Sembilan pam dipasang di sekitar Kolam Hang Tuah. Dapada jumlah itu, tujuh pam digunakan untuk pengepam air dari Sungai Selangor ke Kolam Hang Tuah.

"Lokasi pengepaman air dari Sungai Selangor ke Kolam Hang Tuah 5 dipasang dua pam dan Kolam Hang Tuah 6 dipasang lima pam. Manakala dua pam dipasang di antara Kolam 1, 3 dan 4 kerana terdapat perbezaan aras kolam di mana kapasiti setiap pam ada 200 meter padu sejam," katanya.

Beliau berkata, terkini, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan Jabatan Kimia Malaysia mengesahkan para-

meter logam berat di Kolam Hang Tuah mematuhi piawai sumber air alternatif dan selamat digunakan berdasarkan analisis pada 14 Mei lalu.

Tambahnya, aktiviti pembenihan awan masih diteruskan hingga akhir bulan ini dan keputusan mesyuarat pada Isnin lalu mencadangkan ia terus dibuat pada Jun dan seterusnya bergantung kepada kesesuaian keadaan cuaca.

Dalam perkembangan berlainan, kerajaan negeri telah mengemukakan cadangan pelan tindakan bagi memastikan penstrukturan semula industri air di Selangor kepada persekutuan bagi menyelesaikan segera selepas tiga syarikat konsesi bersetuju pengambilalihan tersebut.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, pelan yang menyasarkan proses diselesaikan dalam tempoh tiga hingga enam bulan itu telah diserahkan kepada Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Datuk Dr Maximus Ongkili melalui surat bertarikh semalam.


Menurutnya, pihaknya yakin sasaran penyelesaian da-



AHMAD YUNUS

pat dicapai berdasarkan perbincangan intensif yang sedang giat dilaksanakan Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB), Puncak Niaga Holdings Berhad (PNSB) dan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) serta kementerian selaku pemudah cara.

"Jadual pelaksanaan antara lain melibatkan KDEB mengeluarkan surat tawaran kepada pemegang saham daripada tiga syarikat konsesi yang telah bersetuju, menubuhkan jawatankuasa bersama pelaksanaan Loji Rawatan Air Langat 2 (Langat 2).



Air Sungai Selangor kini rancak dipam ke Kolam Hang Tuah bagi menyimpan bekalan untuk persediaan hadapi El Nino.

"Kerajaan Persekutuan, negeri, PAAB dan KDEB memulakan perbincangan berkaitan perjanjian induk yang akan menetapkan prinsip-prinsip penghijrahan kepada model Akta Industri Perkhidmatan Air (WSIA)

termasuk pemindahan aset, kaedah penyelesaian pinjaman pembangunan sistem bekalan air kerajaan persekutuan dan negeri serta hal-hal pelesenan perkhidmatan kepada pemilik aset dan operator air yang baharu," katanya.

INFO EMPANGAN SETAKAT SEMALAM

TARIKH: 21 MEI 2014	Paras air (M)	Takungan%	Hujan (mm)
BATU	100.53	87.75	-
KLANG GATES	91.14	63.62	10.50
SUNGAI LABU	38.0	73.30	13.00
LANGAT	213.78	59.58	19.60
SEMENYIH	107.78	81.11	17.20
SG. SELANGOR	193.39	68.80	-
SG. TINGGI	54.40	78.80	10.00
TASIK SUBANG	37.55	83.76	-

(SUMBER: <http://www.luas.gov.my>)

LIMKOKWING MENANG UNTUK MALAYSIA

Pengiktirafan dari Itali

“Bapa Inovasi di Afrika”

“Kepimpinan dalam Pendidikan bagi Transformasi Afrika”

“Saya telah mengenali Tan Sri Limkokwing sejak bertahun-tahun. Pengumuman anugerah baru-baru ini sebagai Bapa Inovasi dalam Pendidikan Kreatif oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi jelas membuktikan usaha kerasnya dalam mencorakkan penyampaian pendidikan demi menghasilkan kaliber yang diperlukan untuk mengangkat industri ke tahap baru kecemerlangan.”

**YAB Dato' Sri Mohd Najib
Tun Abdul Razak**
Perdana Menteri Malaysia, 2010



“Tan Sri Limkokwing melihat pendidikan bukan daripada pandangan lazim ahli akademik iaitu menyumbangkan ilmu pengetahuan kepada manusia. Beliau mahu siswazah lulusan Universiti beliau menjadi manusia yang mempunyai kemahiran yang dikehendaki pasaran. Beliau seorang yang praktikal dan begitu mengambil berat tentang faedah yang bakal diperolehi seseorang itu daripada mendapat pendidikan di Universitinya.”

YB Tin Dr Mahathir Mohamad
Mantan Perdana Menteri Malaysia, 2010

Pemimpin Pendidikan bagi Transformasi Afrika yang memperlihatkan betapa seluruh dunia memperhatikan kemajuan yang dicapai benua itu dalam bidang

“Universiti ini telah melembagakan keseluruhan bidang pemikiran kreatif dan bidang inovasi. Tan Sri Limkokwing sendiri merupakan suatu institusi dalam negara ini dan dengan sendirinya Universiti itu bukan sahaja telah menjadi sebuah institusi di negara ini bahkan juga seluruh dunia. Malah saya ingin mengumikan gelaran kepada Tan Sri Limkokwing sebagai Bapa Inovasi dalam Pendidikan Kreatif di Malaysia dan rantau sini. Pada hemat saya rekod pencapaian beliau sudah menjadi bukti jelas.”

**Hon. Datuk Seri Panglima
Dr Maximus Johny Ongkili**
*Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi
Malaysia 2009*

pembangunan modal insan. Anugerah tersebut membuktikan peranan penting yang dimainkan oleh Tan Sri Limkokwing berganding bahu dengan kerajaan-kerajaan Afrika untuk melahirkan pangkalan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan berkecekapan di peringkat global. Anugerah-anugerah ini menyusul pengiktirafan tahun 2009 yang diberi oleh Kerajaan Malaysia kepada Tan Sri Limkokwing sebagai Bapa Inovasi dalam Pendidikan Kreatif di Malaysia.

Limkokwing: Mentransformasi Afrika menerusi inovasi dalam pendidikan

Limkokwing University menyediakan ijazah-ijazah yang memperkasa belia Swazi dan saya begitu yakin masa depan Swaziland sedang ditransformasikan secara berkesan. Atas sebab itu saya berbesar hati mengisytiharkan Limkokwing University, Universiti Transformasi Swaziland.

His Majesty King Mswati III
Inguwenyama Kingdom of Swaziland, 2013

Afrika merupakan sempadan baru bersama dunia ekonomi yang paling pesat berkembang. Tetapi benua itu memerlukan modal insan berkemahiran tinggi untuk menangani cabaran yang dihadapi. “Transform Africa” merupakan suatu inisiatif Universiti Limkokwing untuk membangunkan potensi anak-anak muda Afrika supaya mereka boleh membawa pembangunan baru yang menambah nilai



kepada ekonomi negara. Pada 2006, Universiti Limkokwing menjadi suatu bahagian yang tak dapat dipisahkan daripada landskap pendidikan Afrika menerusi keberadaannya di Botswana, Lesotho. Swaziland dan kini Sierra Leone, membawa formula pendidikan inovatif yang tersendiri kepada beribu-ribu yang telah beroleh manfaat dan yang kini terlibat secara aktif dalam bidang-bidang keusahawanan serta telah diambil bekerja dengan kerajaan dan

“Terima kasih saya ucapkan kepada tuan dan pasukan tuan atas sumbangan besar yang telah diberikan untuk kempen pilhan raya kami. Usaha tuan yang tidak mengenal penat lelah bagi pihak kami telah menyentuh hati kami semua dan tuan telah mempamerkan persahabatan dan kesetiakawanan yang sejati dengan rakyat Afrika Selatan dalam ikhtiar kami untuk mentransformasi Afrika Selatan menjadi sebuah negara yang bebas, saksama dan demokratik. Sumbangan tuan akan memberi kesan yang penuh bermakna kepada keputusan pilihanraya.”

H.E. Nelson R. Mandela
Presiden Afrika Selatan, 1994

sektor swasta. Universiti tersebut telah merubah kehidupan dan mempermudah proses transformasi sosial dan ekonomi dalam negara berkenaan di mana cawangannya ditubuhkan.

Setinggi-tinggi Tahniah

DARIPADA MATA KEDAWAKTIAN UNIVERSITI & TEMBAGA PENCAHAI

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 28
TARIKH : 21 MEI 2014 (RABU)

Kesedaran sains metrologi rendah

SEPANG 20 Mei - Kurangnya kesedaran dan pengetahuan tentang fungsi sains metrologi menyebabkan rakyat Malaysia mudah ditipu dengan pengukuran dan ketulenan sesuatu produk di pasaran.

Naib Presiden SIRIM Bhd. (SIRIM), Dr. Mohamad Jamil Sulaiman berkata, berdasarkan kajian yang dilakukan, pihaknya mendapati sukatan sesuatu produk, khususnya melibatkan industri makanan dan farmaseutikal tidak memenuhi piawaian ditetapkan.

Beliau menjelaskan, soal tersebut antaranya melibatkan ketepatan pengukuran jumlah timbangan, ketulenan kandungan dan kualiti bahan utama.

"Kelekaan itu membuka ruang kepada para pengeluar mengambil kesempatan memperdaya para pengguna dengan mengubah kandungan sesuatu produk daripada bahan asal termasuk mengurangkan kadar timbangan.

"Contohnya kandungan beras wangi yang terdapat di pasaran. Segelintir pengilang meletakkan cecair pewangi ketika proses pengeluaran bagi memastikan beras itu berbau wangi ketika di pasaran," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Hari Metrologi Sedunia di Makmal Metrologi Kebangsaan di sini hari ini.

Mohamad Jamil memberitahu, ekoran itu, sambutan Hari Metrologi yang masuk kali kedua diadakan di negara ini merupakan salah satu usaha bagi menerangkan kepentingan bidang itu kepada rakyat di negara ini.

Beliau menjelaskan, SIRIM merupakan sebuah badan yang memantau keseragaman pengukuran di negara ini bagi memastikan Konvensyen Meter 1875 dipatuhi.

"Kita bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bagi memastikan setiap pengeluar mematuhi konvensyen itu seperti pengenalan Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007," katanya.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan keupayaan meningkatkan keberkesanan sains metrologi merupakan satu cabaran terbaharu dalam usaha merealisasikan Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) menjelang 2015.

"Ketika AFTA dilaksanakan, setiap produk dieksport ke negara ASEAN diwajibkan mematuhi piawaian perdagangan seperti ditetapkan menerusi perjanjian tersebut.

"Oleh itu, Malaysia menerusi SIRIM akan memastikan produk tempatan mematuhi piawaian ditetapkan menerusi kewujudan dasar Produk Sedia Terbungkus yang dilaksanakan dalam masa dua tahun lagi," jelasnya.